



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8891 5556  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (18)

Tarikh : 28 Ogos 2019

## **SIARAN MEDIA**

### **KAYUHAN WANITA 2019 SEMARAK DASAR KOMUNITI NEGARA**

**PUTRAJAYA, 28 Ogos 2019** - Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kerjasama Pertubuhan Pembangunan Wanita Putrajaya (PEWARNA) hari ini menganjurkan *media launch* Kayuhan Wanita Penggerak Dasar Komuniti Negara 2019. Majlis disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamarudin, Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan diserikan dengan kehadiran Ikon Selebriti Kayuhan Wanita, Datuk Seri Siti Nurhaliza Taruddin.

Program Kayuhan Wanita 2019 ini diadakan bagi menyemarakkan program-program yang dijalankan di bawah Dasar Komuniti Negara yang diinisiatifkan oleh KPKT untuk mewujudkan persekitaran berkualiti, memperkasa aktiviti komuniti dan menggalakkan masyarakat terlibat sama dalam perancangan pembangunan setempat. Program Kayuhan Wanita 2019 bakal berlangsung di Monumen Alaf Baru Presint 2 Putrajaya pada 26 Oktober 2019. Program ini terbuka semua wanita dengan jarak kayuhan sejauh 20 kilometer.

Program yang mensasarkan penglibatan seramai 3000 orang wanita ini turut menyediakan acara sampingan kepada kaum lelaki dengan jarak kayuhan 30 km. Program ini bertujuan untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang sukan selain menjadi medan terbaik bagi mengeratkan kerjasama di antara penjawat awam bersama badan-badan sukarelawan wanita. Program ini juga telah mendapat sokongan beberapa kementerian seperti Kementerian Belia & Sukan, Kementerian Perlancongan dan beberapa syarikat swasta.

Selain itu juga, melalui penganjuran program seumpama ini, ianya akan dapat menyokong usaha-usaha pemeraksanaan kaum wanita dalam apa jua bidang yang diceburi dan agar wanita mampu berdiri dan berdaya saing dalam menempuhi cabaran dunia global pada masa ini.

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)